

06/05/1999

PM lawat Sabah 13 Mei

KOTA KINABALU, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan rasmi ke Sabah selama dua hari mulai 13 Mei ini.

Ketika mengumumkan lawatan berkenaan di sini hari ini, Ketua Menteri Datuk Osu Sukam, berkata Perdana Menteri akan tiba pada petang 13 Mei (Khamis) dan menemui semua anggota Kabinet kerajaan negeri.

"Sebelum malamnya, Dr Mahathir akan menghadiri majlis kesyukuran kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya negeri Mac lalu, di ibu negeri," katanya.

Menurutnya, Perdana Menteri akan bertolak ke Ranau pada pagi Jumaat untuk menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat yang dua kali tertangguh sebelum ini.

(END)